Surat Terbuka

Gelaran Yang Dipertuan Negara

Sungguh berasa musykil sedikit di hati saya tatkala menatap surat kiriman seorang pembaca akhbar, di halaman muka lapan "Utusan Melayu" keluaran 16 Disember 1959 yang lalu, tentang gelaran ketua negara Singapura sebagai wakil *Que*en, iaitulah "Yang Dipertuan Negara". Penulis itu telah mengulasnya dengan panjang lebar serta mengeluarkan falsafahnya menurut pendapatnya dalam masalah itu.

Sesungguhnya hal yang demikian itu telah menjadikan saya bertambah hairan lagi. Kerana terfikir, mengapa pula penulis budiman itu baharu sekarang ini menimbulkan soal gelaran dan *title-title* yang berjela-jela di belakangnya itu. Apakah Paduka Yang Mulia Yang Dipertuan Negara Singapura A. Yusof bin Ishak itu, diakah orang yang pertama yang menyandang pangkat dan gelaran itu? Atau ada yang lebih dahulu daripadanya?. Pertanyaan ini biarlah saya sendiri menjawabnya dengan mengatakan, tidak!! Bahkan ada yang lebih dahulu daripadanya telah menyandang pangkat dan gelaran Yang Dipertuan Negara juga.

Kalau begitu, kenapa soal tersebut tidak dibongkar, dibangkit dan ditimbulkan pada masa itu? Tiba-tiba setelah A.Yusof bin Ishak dilantik menjadi Yang Dipertuan Negara, ketika itu baharu pula timbul bermacam-macam soal dan teguran itu dan ini. Bukankah ini bermakna....., sedangkan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tengku Abdul Rahman sendiri, tatkala memberi tahniah kepada kerajaan Singapura tempoh hari, telah menyebut dengan gelaran Yang Dipertuan Negara bukan Yang Dipertua Negara sebagaimana tersiar di dalam akhbar Utusan Melayu juga. Sebenarnya inilah yang dimusykilkan atau boleh bilang dikesalkan. Sekianlah.

Putera Singapura.

Presiden Sukarno bergambar dengan ketua rombongan Amerika, Tuan H. Alexander Smith, yang telah berkunjung ke Indonesia baharu-baharu ini, untuk menghadiri Persidangan Rancangan Colombo.